



**LAPORAN  
TAHUNAN 2020**

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2020



LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

**LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA**

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

[www.bog.gov.my](http://www.bog.gov.my)

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA AKTA 689

## AKTA AHLI GEOLOGI 2008

**Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Ahli Geologi dan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran ahli geologi, pengawalseliaan amalan geologi dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya**

# ISI KANDUNGAN

Latar Belakang Lembaga Ahli Geologi	4
Visi dan Misi	5
Fungsi-Fungsi Lembaga Ahli Geologi	6
Maklumat Korporat	7
Carta Organisasi Lembaga Ahli Geologi Tahun 2020	8
Keanggotaan Lembaga Ahli Geologi Tahun 2020	9
Keanggotaan Baharu Lembaga Ahli Geologi Tahun 2020	14
Pengurusan Pendaftaran dan Pentabiran	15
Tarikh-Tarikh Mesyuarat Lembaga Ahli Geologi	17
Jawatankuasa-Jawatankuasa	19
Tarikh-Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa	20
Perutusan Pengerusi	23
Pengurusan Kewangan dan Perakaunan	25
Prestasi dan Pencapaian Aktiviti	28
Penutup	35
Penyata Kewangan	36





# LATAR BELAKANG LEMBAGA AHLI GEOLOGI

---

## Penubuhan Lembaga Ahli Geologi

Lembaga Ahli Geologi telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689], dan telah mula beroperasi secara rasmi setelah Menteri berkenaan menetapkan 28 November 2014 sebagai tarikh Akta itu mula berkuatkuasa. Akta ini memberikan kuasa secara sah ke atas pendaftaran ahli geologi, pengawalseliaan amalan geologi dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya. Lanya telah mendapat perkenan Diraja pada 22 Ogos 2008, dan di wartakan pada 27 Ogos 2008. Lembaga Ahli Geologi atau *Board of Geologists* yang selepas ini akan disebut sebagai BoG, ialah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Keanggotaan Lembaga terdiri daripada 14 warganegara Malaysia yang dilantik oleh Menteri seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6 Akta:

- a. seorang Pengerusi yang merupakan seorang ahli geologi profesional berdaftar;
- b. seorang wakil Institut Geologi Malaysia;
- c. lima orang ahli geologi professional berdaftar dalam perkhidmatan awam atau dalam mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang merupakan ahli geologi profesional berdaftar;
- d. lima orang ahli geologi professional berdaftar yang menjalankan amalan persendirian atau dalam pengajian sepenuh masa mana-mana orang atau kumpulan orang selain perkhidmatan awam atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun; dan
- e. dua orang yang, pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pemajuan profesion



# VISI DAN MISI

---

## VISI


Menjadikan BoG agensi pengawal-selia yang unggul di rantau ini demi keselamatan awam dan alam sekitar melalui perkhidmatan geologi yang cekap, beretika dan profesional.

*To be highly respected and well-established regulator in the region protecting the public and environment with competent and ethical professional geological services.*

## MISI

Untuk memastikan keselamatan dan harta benda awam dilindungi dengan meningkatkan tahap piawai kompetensi dan integriti melalui pengawalseliaan perlakuan dan etika profesion geologi.

*To ensure public safety and property by promoting standards for competence and integrity through regulating the professional conducts and ethics of geological profession.*



# FUNGSI-FUNGSI LEMBAGA AHLI GEOLOGI

---

- a. melaksanakan tugas dan fungsi dan menjalankan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini;
- b. dengan kelulusan Menteri, menentukan skala fi yang akan dikenakan oleh ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar dan pengamal berdaftar bagi perkhidmatan geologi yang diberikan;
- c. menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesional profesion geologi;
- d. mendengar dan menentukan pertikaian yang berhubungan dengan kelakuan atau etika profesional ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar, atau menubuhkan suatu jawatankuasa atau melantik seorang penimbang tara untuk mendengar dan menentukan pertikaian itu;
- e. mewakili profesion geologi dalam apa-apa perkara yang perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian;
- f. memeriksa dan, jika difikirkan perlu, membuat laporan tentang apa-apa perkara tempatan yang dikemukakan kepadanya dan membuat syor kepada kerajaan atau kepada mana-mana pihak berkuasa awam, pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun atau kepada mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
- g. menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang yang berhubungan dengan survei geologi;
- h. menjalankan peperiksaan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion geologi;
- i. melantik orang untuk mewakili profesion geologi dalam mana-mana badan atau panel pemeriksa yang boleh dilantik oleh mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
- j. membuat syor berhubung dengan apa-apa peperiksaan supaya layak diterima masuk ke dalam profesion geologi;
- k. mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional bagi ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam pembangunan terkini yang berhubungan dengan profesion geologi;
- l. memberikan biasiswa dan kemudahan lain bagi menggalakkan pembelajaran dan pendidikan yang berkaitan dengan geologi; dan
- m. melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.





# MAKLUMAT KORPORAT



## Nama Pertubuhan Perbadanan

LEMBAGA AHLI GEOLOGI  
(Akta 689 – Akta Ahli Geologi 2008)

## Pejabat Berdaftar

LEMBAGA AHLI GEOLOGI, MALAYSIA  
Aras 8, Menara PjH,  
No.2 Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,  
62100 PUTRAJAYA

No. Telefon: 03-88618436

No. Faksimili: 03-88618437

Email: [info@bog.gov.my](mailto:info@bog.gov.my)

Laman web: [www.bog.gov.my](http://www.bog.gov.my)

## Juru Audit

KETUA AUDIT NEGARA  
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan,  
Aras 3, Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62518 PUTRAJAYA.

## Akauntan Luar


Puan Norhidayah binti Awang  
Pengamal Perakaunan Bebas (CA 40941).

## Bank Utama

MAYBANK ISLAMIC BERHAD  
Ground & Mezzanine Floor,  
Bangunan UTMSpace 195A, Jalan Tun Razak,  
50400 KUALA LUMPUR



# CARTA ORGANISASI LEMBAGA AHLI GEOLOGI 2020



# KEANGGOTAAN LEMBAGA AHLI GEOLOGI TAHUN 2020

(BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2020)

---

## Anggota-Anggota Lembaga Ahli Geologi

Keanggotaan Lembaga terdiri daripada 14 orang warganegara Malaysia termasuk Pengerusi yang dilantik oleh Menteri. Sesi Ke-2 Lembaga Ahli Geologi berakhir tempohnya pada 30 November 2020. Komposisi dan anggota-anggota Lembaga yang berkhidmat dalam tahun 2020 (sehingga 30 November 2020) adalah seperti berikut:

### Seorang Pengerusi:



**Dato' Yunus bin Abd. Razak, DSDK, P.Geol., FIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

***DIRECTOR***

Magic Mirror Consulting Sdn. Bhd.

**Pengerusi Lembaga:**

2014-2017; 2017-2020

---

### Seorang Anggota Lembaga Mewakili Institut Geologi Malaysia:



**Datuk Mior Sallehuddin bin Mior Jadid, PMW, P.Geol., FIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

***PRESIDENT***

Institut Geologi Malaysia (2016-2019)

**Anggota Lembaga:**

2014-2017; 2017-2020

Pengerusi Jawatankuasa Program Pembangunan dan Profesional

**Lima Orang Anggota Lembaga Dalam Perkhidmatan Awam Mewakili Kerajaan:**



**Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo, DSNS, FASC, P.Geol., FIGM**  
(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**PRINCIPAL RESEARCH FELLOW**

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Anggota Lembaga:**

2014-2017; 2017-2020



**Kamal bin Daril, P.Geol., MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**TIMBALAN KETUA PENGARAH**

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

**Anggota Lembaga:**

2014 -2017; 2017-2020

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Korporat dan Kewangan  
(Jawatan dikosongkan pada 19 Mac 2020 kerana bersara)



**Mohd Badzran bin Mat Taib, P.Geol., MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**PENGARAH**

Caw. Perancangan dan Pengurusan  
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.

**Anggota Lembaga:**

2016 - 2017; 2017 – 2020



**Prof. Dr. Felix Tongkul, P.Geol., MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**PROFESOR**

Fakulti Sains dan Sumber Asli  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

**Anggota Lembaga:**

2017 – 2020





**Prof. Dr. Wan Hasiah binti Abdullah, P.Geol., MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**PROFESOR**

Jabatan Geologi  
Universiti Malaya (UM)

**Anggota Lembaga:**

2017 – 2020

(Jawatan dikosongkan pada 28 Januari 2020 kerana bersara)

---

**Lima Orang Anggota Lembaga Mewakili Pihak Swasta atau Bukan Perkhidmatan Awam:**



**Dr. Jaizan Hardi bin Mohamed Jais, P.Geol., MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**SENIOR GENERAL MANAGER**

Malaysia Petroleum Management,  
PETRONAS

**Anggota Lembaga:**

2014-2017; 2017 - 2020



**Seet Chin Peng, P.Geol., FIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**DIRECTOR**

Asetbumi Geoservices Sdn Bhd.

**Anggota Lembaga:**

2014-2017; 2017 - 2020

Pengerusi Jawatankuasa Perundangan, Etika & Disiplin



**Dato' Zakaria bin Mohamad, P.Geol., MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**PENGERUSI EKSEKUTIF**

Geomapping Technology Sdn. Bhd.

**Anggota Lembaga:**

2017 – 2020





**Ngadni bin Temon, P.Geol., MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**CHIEF EXECUTIVE OFFICER**

Energy Quest Sdn. Bhd.

**Anggota Lembaga:**

2017 - 2020



**Teoh Lay Hock, P.Geol., MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**PERUNDING GEOSAINS**

Dewan Perlombongan Malaysia

**Anggota Lembaga:**

2017 - 2020

**Dua Orang Anggota Lembaga Lantikan YB Menteri:**



**Prof. Madya Dr. Sarah Aziz binti Abdul Ghani Aziz**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Disember 2017)

**PROGRAM CHAIR and SENIOR RESEARCH FELLOW**

Southeast Asia Disaster Prevention Research Initiative (SEADPRI) Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Anggota Lembaga:**

2014-2017; 2017 – 2020



**Dr. John Kuna Raj, P.Geol. MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)

**PERUNDING BEBAS**

Bidang Geologi Kejuruteraan dan Geologi Alam Sekitar

**Anggota Lembaga:**

2019 - 2020



**Pelantikan Dua Pengganti Bagi Mengisi Dua Kekosongan Anggota Lembaga:****Prof. Madya Dr. Haryati binti Awang, P.Geol. MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 28 Januari 2020)

**PENSYARAH**

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam  
Universiti Malaysia Pahang

**Anggota Lembaga:**

28 Januari 2020 – 30 November 2020

(Menggantikan Dr. Wan Hasiah binti Abdullah yang bersara wajib)

**Abdullah bin Sulaiman, P.Geol. MIGM**

(Lantikan berkuatkuasa pada 19 Mac 2020)

**PENGARAH**

Jabatan Mineral dan Geosains Kedah/Perlis/P.Pinang

**Anggota Lembaga:**

19 Mac 2020-30 November 2020

(Menggantikan Encik Kamal bin Daril yang bersara wajib)

# KEANGGOTAAN BAHARU

## LEMBAGA AHLI GEOLOGI TAHUN 2020

(BAGI TEMPOH 2020 HINGGA 2023)

Lembaga Ahli Geologi Sesi ke-2 tamat tempohnya pada 30 November 2020. Sesi ke-3 Lembaga Ahli Geologi bermula pada 1 Disember 2020 sehingga 30 November 2023. Berdasarkan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 6, Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689), Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah membuat pelantikan keanggotaan baharu Lembaga Ahli Geologi Malaysia Sesi ke-3. Berikut adalah anggota-anggota Lembaga Ahli Geologi baharu yang berkhidmat bermula pada 1 Disember 2020:

NAMA	JAWATAN	TEMPOH
1. Dato' Zakaria bin Mohamad	Pengerusi Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
2. Abdullah bin Sulaiman	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
3. Dr Haryati Binti Awang	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
4. Zamri bin Ramli	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
5. Prof Dr Joy Jacqueline Pereira	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
6. Dr Rodeano bin Roslee	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
7. Amiruddin bin Mansor	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
8. Teoh Lay Hock	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
9. Dr John Kuna Raj	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
10. Abd Hanan bin Ahmad Nadzeri	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
11. Dr Richard Mani Ak Banda	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
12. Abd Rasid bin Jaapar	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
13. Prof Dato Dr Mohd Mokhtar bin Saidin	Anggota Lembaga	1.12.2020 hingga 30.11. 2023
14. -Kosong-	Anggota Lembaga	-

# PENGURUSAN PENDAFTARAN DAN PENTADBIRAN


Dasar dan hala tuju BoG ditentukan oleh Lembaga Ahli Geologi yang diterajui oleh anggota-anggota yang terdiri daripada pelbagai latar belakang bidang geologi, berpengalaman, dan kepakaran tertentu. Bagi melaksanakan operasi BoG, Lembaga telah melantik lima orang pegawai terdiri daripada Pendaftar, Eksekutif Pentadbiran, Eksekutif Kewangan dan dua Eksekutif untuk urusan kerja seperti pendaftaran, pentadbiran, kewangan, dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan. Amnya, pejabat pengurusan Lembaga masih belum mempunyai sumber tenaga kerja yang mencukupi serta suatu organisasi asas yang lengkap bagi melaksanakan tugas pendaftaran, pentadbiran dan kewangan dengan cekap dan berkesan.



PENDAFTAR  
HAMADI BIN CHE HARUN, PSK, P.Geol., MIGM



EKSEKUTIF PENTADBIRAN  
TENGGU INTAN JULIANA BINTI TENGGU MANSOR



EKSEKUTIF KEWANGAN  
NORIZAH BINTI ISMAIL



EKSEKUTIF  
NUR AZZAKIRAH BINTI ABD. AZIZ



EKSEKUTIF  
HAFAWATI SAFIAH BINTI MUSTAMAM





Staf Pejabat Lembaga Bersama Pengerusi BoG



# TARIKH-TARIKH MESYUARAT LEMBAGA AHLI GEOLOGI


Mesyuarat Lembaga Ahli Geologi yang dirancang sepanjang tahun 2020 telah tidak dapat diadakan mengikut takwim akibat pandemik COVID-19. Hanya tiga (3) kali mesyuarat Lembaga dapat dilaksanakan pada tahun tersebut, iaitu dua mesyuarat secara maya (aplikasi zoom) dan satu secara bersemuka. Berikut di senaraikan tarikh-tarikh mesyuarat Lembaga yang dapat diadakan pada tahun 2020:

BIL. MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
Bil. 1/2020 (Mesy. BoG ke-24)	10 Jun 2020	9.30 pagi	Secara Maya (Aplikasi Zoom)
Bil. 2/2020 (Mesy. BoG ke-25)	19 Ogos 2020	9.30 pagi	Bilik Mesyuarat Garnet JMG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya.
Bil. 3/2020 (Mesy. BoG ke-26)	18 Nov 2020	2.30 petang	Secara Maya (Aplikasi Zoom)

## BUTIRAN KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA AHLI GEOLOGI

Berikut adalah butiran kekerapan kehadiran anggota masing-masing ke Mesyuarat Lembaga Ahli Geologi pada Tahun 2020:

BIL.	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1.	Dato' Yunus bin Abd. Razak, P.Geol.	Pengerusi	3/3
2.	Datuk Mior Sallehuddin bin Mior Jadid, P.Geol.	Anggota	3/3
3.	Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo, P.Geol.	Anggota	3/3
4.	Abdullah bin Sulaiman, P.Geol.	Anggota	3/3
5.	Mohd Badzran bin Mat Taib, P.Geol.	Anggota	3/3
6.	Prof. Madya Dr. Haryati binti Awang, P.Geol.	Anggota	3/3
7.	Prof. Dr. Felix Tongkul, P.Geol.	Anggota	3/3
8.	Dr. Jaizan Hardi bin Mohamed Jais, P.Geol.	Anggota	2/3
9.	Seet Chin Peng, P.Geol.	Anggota	3/3
10.	Dato' Zakaria bin Mohamad, P.Geol.	Anggota	3/3
11.	Ngadni bin Temon, P.Geol.	Anggota	3/3
12.	Teoh Lay Hock, P.Geol.	Anggota	3/3
13.	Prof. Madya Dr. Sarah Aziz binti Abdul Ghani Aziz	Anggota	3/3
14.	Dr. John Kuna Raj, P.Geol.	Anggota	3/3



Mesyuarat Lembaga Ahli Geologi Bil. 3/2020 Melalui Aplikasi Zoom



# JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

---

Bagi membantu pelaksanaan fungsi dan peranan BoG sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 14 Akta Lembaga Ahli Geologi 2008, berikut adalah jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk dengan ahli masing-masing bagi tempoh sehingga 30 November 2020.

## I. Jawatankuasa Hal-Ehwal Korporat Dan Kewangan (JHKK)

Pengerusi: Kamal bin Daril, P.Geol. (sehingga 19.3.2020)

Ahli: Mohd Badzran bin Mat Taib, P.Geol.  
Teoh Lay Hock, P.Geol.  
Chin Lik Suan, P.Geol.  
Haniza binti Zakri, P.Geol.  
Lutfi Hamidee bin Abd Latiff, P.Geol.

## II. Jawatankuasa Perundangan, Etika Dan Disiplin (JPED)

Pengerusi: Seet Chin Peng, P.Geol.

Ahli: Dr. Jaizan Hardi bin Mohamed Jais, P.Geol.  
Prof. Madya Dr. Sarah Aziz binti Abdul Ghani Aziz  
Dr. Saim bin Suratman, P.Geol.  
Ng Chak Ngoon, P.Geol.  
Madzlan bin Zam, P.Geol.

## III. Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional (JPPP)

Pengerusi: Datuk Mior Sallehuddin bin Mior Jadid, P.Geol.

Ahli: Prof. Dr. Wan Hasiah binti Abdullah, P.Geol.  
Prof. Dr. Joy Jacqueline Pereira, P.Geol.  
Abd. Rasid bin Jaapar, P.Geol.  
P. Loganathan, P.Geol.  
Nasaruddin bin Ahmad, P.Geol.  
Lim Choun Sian, P.Geol.  
Abd. Rahim bin Harun, P.Geol.



#### IV. Jawatankuasa Audit

Pengerusi: Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo, P.Geol.  
 Ahli: Dr. John Kuna Raj, P.Geol.  
 Ngadni bin Temon, P.Geol.

#### V. Jawatankuasa Promosi

Pengerusi: Dato' Zakaria bin Mohamad, P.Geol.

Ahli: Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo, P.Geol.  
 Dr. Lim Choun Sian, P.Geol.  
 Ngadni bin Temon, P.Geol.  
 Abd. Rasid bin Jaapar, P.Geol.  
 Tuan Rusli bin Tuan Mohamed, P.Geol.  
 Azimah binti Ali, P.Geol.

#### VI. Jawatankuasa Akreditasi

Pengerusi: Dr. John Kuna Raj, P.Geol.

Ahli: Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo, P.Geol.  
 Prof. Dr. Wan Hasiah binti Abdullah, P.Geol.

### TARIKH-TARIKH MESYUARAT JAWATANKUASA

#### I. Jawatankuasa Hal-Ehwal Korporat Dan Kewangan (JHKK)

BIL. MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
Bil.1/2020	27 Februari 2020	2.00 petang	Bilik Mesyuarat Jasper, JMG Aras 8, Menara PjH, Putrajaya.
Bil. 2/2020	21 Julai 2020	9.30 pagi	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya.
Bil. 3/2020	12 Ogos 2020	3.00 petang	Bilik Mesyuarat Jasper JMG Aras 8, Menara PjH, Putrajaya.
Bil. 4/2020	12 Oktober 2020	9.30 pagi	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya.

## II. Jawatankuasa Perundangan, Etika Dan Disiplin (JPED)

BIL. MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
Bil.1/2020	06 Jun 2020	10.00 pagi	Secara Maya (Aplikasi Zoom)
Bil. 2/2020	22 Jun 2020	10.00 pagi	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya.
Bil. 3/2020	28 September 2020	9.30 pagi	Hotel Zenith, Putrajaya

## III. Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional (JPPP)

BIL. MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
Bil.1/2020	05 Mac 2020	9.30 pagi	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya.
Bil. 2/2020	11 Ogos 2020	9.30 pagi	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya
Bil. 3/2020	21 Oktober 2020	9.30 pagi	Secara Maya (Aplikasi Zoom)

## IV. Jawatankuasa Audit

BIL. MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
-Tiada-			

## V. Jawatankuasa Promosi

BIL. MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
Bil.1/2020	10 Mac 2020	10.00 pagi	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya
Bil. 2/2020	06 Ogos 2020	2.30 petang	Bilik Mesyuarat Galena, JMG Aras 8, Menara PjH, Putrajaya
Bil. 3/2020	16 November 2020	3.00 petang	Secara Maya (Aplikasi Zoom)

## VI. Jawatankuasa Skala Fi

BIL. MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
Bil.1/2020	10 Mac 2020	2.30 petang	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya
Bil. 2/2020	25 Jun 2020	10.00 pagi	Bilik Mesyuarat Galena, JMG Aras 8, Menara PjH, Putrajaya

## MESYUARAT – MESYUARAT LAIN YANG BERKAITAN

1. Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa:

BIL. MESYUARAT	TARIKH	MASA	TEMPAT
Bil.1/2020	12 Mac 2020	10.00 pagi	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya
Bil. 2/2020	13 Ogos 2020	10.00 pagi	Bilik Mesyuarat BoG, Aras 8, Menara PjH, Putrajaya
Bil. 3/2020	9 November 2020	10.00 pagi	Secara Maya (Aplikasi Zoom)



Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan, Etika dan Disiplin



Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan, Etika dan Disiplin

# PERUTUSAN PENGERUSI

## Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya, Lembaga Ahli Geologi (BoG) dapat membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020. Ini merupakan Laporan Tahunan bilangan ke-6 sejak saya memegang jawatan Pengerusi Lembaga Ahli Geologi bagi tempoh 2014-2017 dan 2017-2020. Saya dan semua anggota Lembaga Ahli Geologi amat bersyukur kerana kita telah berjaya melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dalam suasana kekangan kewangan dan organisasi yang agak kecil bagi menyediakan asas yang kukuh untuk perkembangan pembangunan BoG yang tubuhkan pada akhir tahun 2014. Saya merasa bangga di atas kerjasama dan daya usaha seluruh anggota BoG kerana dapat menyempurnakan tugas-tugas sebaik mungkin sepanjang tahun 2020.



Pada awal tahun ini, dua orang anggota yang mewakili perkhidmatan awam telah berhenti berkhidmat dengan Lembaga. Mereka adalah Dr. Wan Hasiah Abdullah yang bersara wajib pada 28 Januari 2020 dan Encik Kamal Daril yang juga bersara wajib pada 19 Mac 2020. Saya mewakili Lembaga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka atas komitmen, kerjasama dan jasa yang mereka sumbangkan kepada Lembaga sejak mereka dilantik sebagai anggota Lembaga. Sehubungan dengan itu, dua anggota baru mengisi tempat yang dikosongkan anggota tersebut iaitu Dr. Haryati Awang dan Encik Abdullah Sulaiman. Semoga dengan pelantikan mereka ini akan dapat bersama memajukan profesion geologi dengan lebih berkesan sepertimana yang diamanahkan.

Tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar dalam pelbagai aspek. Pada 1 Mac 2020, Malaysia mempunyai Kerajaan baharu dan sekali gus kita mempunyai Menteri dan Kementerian baharu. Situasi ini sudah tentu melibatkan perubahan polisi, pengurusan dan keperluan kerja yang berbeza. BoG masih kekal di bawah Kementerian yang sama tetapi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah diubah nama kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Pandemik di seluruh dunia yang dicituskan oleh virus COVID-19 telah menyebabkan ketidakpastian ekonomi di Malaysia dan seluruh dunia. Di sebabkan peningkatan penularan kes positif COVID-19 semakin membimbangkan, di samping isu-isu kesihatan dan keselamatan rakyat yang bertambah, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula pada 18 Mac 2020 dan keadaan ini berterusan dalam beberapa fasa PKP yang ditetapkan. Cabaran berterusan yang dicituskan oleh pandemik tersebut, telah menjejaskan beberapa aktiviti yang dirancang oleh BoG sepanjang tahun 2020. Justeru itu, semua agensi kerajaan termasuk BoG perlu mengikut arahan-arahan semasa kerajaan, memastikan urusan kerja dilaksanakan dengan optimum, mengikut Prosidur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dan menyesuaikan keadaan norma baharu untuk keberkesanan urusan kewangan, pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti Lembaga.

Pada Januari 2020, Kementerian Kewangan (MOF) dengan rasminya bersetuju mewujudkan kod bidang baharu dalam perolehan kerajaan di bawah perkhidmatan perunding fizikal bukan kejuruteraan iaitu Kod 330211 – Geologi. MOF mensyaratkan firma perunding geologi (perkhidmatan perunding fizikal bukan



kejuruteraan) yang ingin berdaftar dengan MOF perlu berdaftar terlebih dahulu dengan BoG sebagai badan ikhtisas geologi. Sehubungan itu, pada tahun ini BoG telah mula mendaftarkan Firma Perunding Geologi yang ingin berdaftar dengan MOF. Daripada 14 permohonan yang diterima, sembilan permohonan telah diluluskan, 2 ditolak dan 3 permohonan masih dalam pertimbangan.

Bilangan permohonan baharu pendaftaran ahli geologi yang diproses untuk pendaftaran tahun 2020 adalah sebanyak 202 permohonan. Jumlah permohonan yang mendapat kelulusan Lembaga Ahli Geologi, iaitu yang menepati syarat dan layak untuk didaftarkan adalah sebanyak 183 permohonan. Terdapat permohonan yang telah diluluskan pada tahun lepas, tetapi hanya baharu membayar fi pada tahun 2020. Ini menjadikan jumlah perakuan daftar yang dikeluarkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 226. Bilangan perakuan pendaftaran yang diperbaharui (renewal) pada tahun 2020 adalah berjumlah 1,580 perakuan. Ini menjadikan keseluruhan ahli geologi yang mempunyai perakuan daftar meliputi kategori ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi siswazah berdaftar, ahli geologi asing berdaftar dan pengamal berdaftar pada tahun 2020 adalah seramai 1,806 orang.

Jumlah pendapatan BoG pada tahun 2020 adalah sebanyak RM836,858. Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun tersebut menunjukkan penurunan kepada RM472,299. Setelah ditolak perbelanjaan, lebih pendapatan BoG bagi tahun kewangan 2020 ialah sebanyak RM364,559. Ini menjadikan lebih pendapatan terkumpul pada akhir tahun kewangan ia itu pada 31 Disember 2020, meningkat 15.4% kepada RM2,731,965. Keadaan kewangan yang lebih kukuh, akan membolehkan BoG menjalankan aktiviti-aktiviti yang diperlukan bagi merealisasikan fungsi-fungsi yang termaktub dalam Akta.

Seperti yang kita semua sedia maklum, tempoh keanggotaan Lembaga Ahli Geologi sesi kedua (2017-2020) berakhir pada 30 November 2020. Kebanyakan anggota telah berkhidmat selama dua sesi dan terpaksa mengundurkan diri kerana telah genap dua tempoh berturut-turut seperti mana termaktub dalam seksyen 8 Akta Ahli Geologi 2008. Sehubungan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua anggota yang telah bersama saya menjalankan aktiviti dan mengurus Lembaga ini dengan sebaik mungkin sepanjang tempoh perkhidmatan. Segala kerjasama dan tanggungjawab yang dilaksanakan amatlah dihargai. Namun demikian, saya pasti anggota sekali pun masih dapat memberi sumbangan kepakaran, sokongan, dan pandangan kepada Lembaga yang baharu dilantik apabila diperlukan kelak.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang telah dilantik menganggotai Lembaga Ahli Geologi Sesi ke-3 bagi tempoh 1 Disember 2020 hingga 30 November 2023. Saya juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Dr Shamsul Anuar Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Bahagian Mineral dan Geosains (BMG) di atas segala urusan pelantikan baharu Anggota Lembaga Ahli Geologi Sesi Ke-3 ini.

Akhir kata, saya merakamkan jutaan terima kasih dan syabas kepada pengurusan Lembaga yang telah berusaha gigih bagi menjayakan aktiviti dan menguruskan organisasi Lembaga Ahli Geologi dengan cekap dan berkesan. Saya berdoa agar Allah SWT terus memberikan kita semua iltizam, kebijaksanaan serta kekuatan untuk meneruskan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih.



**DATO' YUNUS ABDUL RAZAK, P.Geol.**

Pengerusi

Lembaga Ahli Geologi Malaysia.



# PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

## Sumber Kewangan

Dalam melaksanakan fungsi-fungsinya pada tahun 2020, BoG bergantung kepada punca kewangan melalui sumber-sumber berikut:

- i. Peruntukan tahunan kerajaan
- ii. Fi pendaftaran
- iii. Pendapatan lain

## Tatacara Perakaunan

Tatacara perakaunan Penyata Kewangan Tahunan BoG adalah disedia dan diaudit mengikut peraturan sebagaimana diperuntukan dalam Seksyen 18, Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689). Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, BoG juga tertakluk kepada Akta 240 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020, keseluruhan akaun BoG telah disediakan oleh Pengamal Perakaunan Bebas (Puan Norhidayah binti Awang, CA 40941). Laporan Penyata Kewangan tersebut kemudiannya dikemukakan kepada Ketua Audit Negara bagi tujuan pemeriksaan dan pengeluaran Sijil Audit. Seterusnya laporan yang telah diperakukan oleh Jabatan Audit Negara ini dikemukakan untuk perhatian YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli.

## Laporan Kewangan


Laporan penuh Penyata Kewangan BoG bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020 yang telah diaudit adalah seperti di LAMPIRAN 1. Jadual 1 di bawah adalah ringkasan penyata kewangan bagi tahun 2020. Jadual ini juga menunjukkan perbandingan kedudukan kewangan BoG dengan tahun sebelumnya.

**Jadual 1: Ringkasan Penyata Kewangan 2020**

BUTIRAN	2019	2020
Baki Mula (Pada 1 Januari )	2,058,260	2,367,406
Pendapatan (Peruntukan Kerajaan)	299,184	265,000
Pendapatan (Yuran Fi Dan Pendapatan Lain)	559,500	571,858
Jumlah Pendapatan	858,684	836,858
Jumlah Pendapatan Terkumpul	2,916,944	3,204,264
Jumlah Perbelanjaan	549,538	472,299
Lebih Pendapatan Bagi Tahun Kewangan	309,146	364,559
Lebih Pendapatan Terkumpul Pada 31 Disember	2,367,406	2,731,965

Pendapatan yang diperoleh daripada pemberian peruntukan kerajaan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM265,000 berbanding RM299,184 pada tahun sebelumnya. Selain pendapatan daripada Kerajaan, pendapatan tambahan adalah daripada yuran fi pendaftaran dan pendapatan lain yang berjumlah RM571,858. Ini menjadikan jumlah pendapatan BoG pada tahun 2020 adalah sebanyak RM836,858. Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2020 berkurangan kepada RM472,299 berbanding tahun 2019 iaitu berjumlah RM549,538. Perbelanjaan tersebut menunjukkan penurunan sebanyak 14% kerana penurunan jumlah bayaran emolumen kakitangan, penyelenggaraan peralatan, perkhidmatan iktisas, dan tuntutan elaun perjalanan. Lebihan pendapatan BoG bagi tempoh tahun kewangan 2020 ialah sebanyak RM364,559 meningkat sebanyak 17.9% daripada tahun sebelumnya. Lebihan pendapatan terkumpul pada akhir tahun kewangan ia itu pada 31 Disember 2020, menunjuk peningkatan 15.4% kepada RM2,731,965 berbanding RM2,367,406 pada tempoh kewangan tahun 2019. Carta 1 menunjukkan perbandingan pendapatan terkumpul, jumlah perbelanjaan, dan lebihan pendapatan BoG bagi tahun 2016, 2017, 2018, 2019, dan 2020.

**Carta 1: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2016 - 2020**



## LAPORAN AUDIT

Pengauditan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi (BoG) bagi tahun berakhir 31hb Disember 2020 telah selesai dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara.

Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi telah disediakan oleh Pengamal Perakaunan Bebas (Puan Norhidayah binti Awang, CA 40941). Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020 ini merangkumi Penyata kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020 serta nota-nota berkaitan telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Penyata yang telah diaudit dan disahkan oleh Jabatan Audit Negara melalui sijil audit yang dikeluarkan pada 12 Ogos 2020 seperti di dalam Penyata Kewangan yang terkandung dalam laporan tahunan ini.

Merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara dinyatakan bahawa Jabatan Audit Negara berpendapat bahawa penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Ahli Geologi Malaysia berakhir pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689).



Pegawai-Pegawai Yang Hadir Ke Mesyuarat Penutup (Exit Conference) Pengauditan di Jabatan Audit Negara.



# PRESTASI DAN PENCAPAIAN AKTIVITI

---

Pandemik COVID-19, telah menyebabkan urusan dan aktiviti Lembaga yang dirancang pada tahun 2020 terjejas. Urusan dan aktiviti mesyuarat, perbincangan, bengkel, seminar yang dirancang telah tergendala. Ada yang dilaksanakan secara atas talian, ditunda atau dibatalkan terus kerana perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Perintah Kawalan Pergerakan. Aktiviti utama BoG adalah tertumpu kepada urusan pendaftaran ahli geologi, penyediaan dan penghantaran dokumen perakuan pendaftaran, dan mengemaskini maklumat pendaftaran ahli geologi. Semua ini memerlukan keberadaan di pejabat kerana urusan pengkomputeran dan databes masih belum 'online'. Penutupan pejabat pada tempoh tertentu menyebabkan urusan tergendala dan berlaku kelewatan. Begitu juga dengan urusan perakaunan bagi tujuan pengauditan tahunan mengalami kesulitan dalam penyediaan perakaunan. Namun urusan ini perlu dilaksanakan dan diselesaikan seperti ketetapan yang telah ditentukan oleh Jabatan Audit Negara. Berikut adalah pelaporan ringkas aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

## **i. Pendaftaran Ahli Geologi**

Bagi urusan pendaftaran, borang-borang permohonan berserta bayaran fi proses permohonan yang diterima, perlu dibuat semakan bagi memastikan borang permohonan lengkap diisi. Borang-borang permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, disemak oleh Pendaftar sebelum dibawa ke peringkat Jawatankuasa Akreditasi untuk penelitian kelulusan akademik pemohon. Selanjutnya, permohonan-permohonan berkenaan diangkat ke mesyuarat Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan pendaftaran. Setelah mendapat kelulusan Lembaga, pemohon akan dimaklum dan dikehendaki membayar fi pendaftaran. Pemohon yang telah membuat bayaran fi yang ditetapkan mengikut kategori akan dikeluarkan resit pendaftaran. Nombor daftar rasmi ditentukan setelah fi pendaftaran dibayar. Selanjutnya adalah urusan penghantaran dokumen seperti persediaan surat iringan, maklumat kod etika, sijil perakuan pendaftaran dan maklumat lain yang berkenaan.

Bilangan permohonan baharu pendaftaran ahli geologi yang diproses untuk pendaftaran tahun 2020 adalah sebanyak 202 permohonan berbanding 296 permohonan baharu pada tahun 2019. Bilangan permohonan baharu ini menunjukkan pengurangan sebanyak 31.8%. Jadual 2 menunjukkan perbandingan bilangan permohonan baharu bagi tahun 2019 dan tahun 2020 mengikut kategori:

**Jadual 2: Bilangan Permohonan Baharu Mengikut Kategori dan Tahun**

Kategori Permohonan	Bilangan Permohonan	
	Tahun 2019	Tahun 2020
Ahli Geologi Siswazah Berdaftar	192	156
Ahli Geologi Profesional Berdaftar	45	20
Pengamal Berdaftar	-	-
Ahli Geologi Asing Berdaftar	59	26
<b>Jumlah Permohonan Baharu</b>	<b>296</b>	<b>202</b>

Jumlah bayaran fi proses permohonan baharu pelbagai kategori yang telah diterima untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM10,100.00. Pecahan bayaran fi proses permohonan baharu mengikut kategori ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Jumlah Bayaran Fi Proses Permohonan Baharu Mengikut Kategori, Bagi Tahun 2020**

Kategori Permohonan	Fi Proses Permohonan Baharu (RM)
Ahli Geologi Siswazah Berdaftar	RM7,800
Ahli Geologi Profesional Berdaftar	RM1,000
Pengamal Berdaftar	-
Ahli Geologi Asing Berdaftar	RM1,300
<b>Jumlah Bayaran Fi Proses Permohonan Baharu Tahun 2020</b>	<b>RM10,100</b>

Jumlah permohonan yang mendapat kelulusan Lembaga Ahli Geologi, iaitu yang menepati syarat dan layak untuk didaftarkan adalah sebanyak 183 permohonan. Jadual 4, menunjukkan pecahan bilangan permohonan mengikut kategori yang telah mendapat kelulusan dari Lembaga Ahli Geologi untuk didaftarkan pada tahun 2020:

**Jadual 4: Bilangan Permohonan Baharu Yang diluluskan BoG Tahun 2020**

Kategori Permohonan	Bilangan Permohonan
Ahli Geologi Siswazah Berdaftar	138
Ahli Geologi Profesional Berdaftar	20
Pengamal Berdaftar	-
Ahli Geologi Asing Berdaftar	25
<b>Jumlah Permohonan Baharu diluluskan Untuk Pendaftaran</b>	<b>183</b>

Sijil perakuan pendaftaran hanya dikeluarkan setelah pemohon membayar fi daftar berkenaan kepada Lembaga Ahli Geologi. Walaupun 202 orang telah membuat permohonan pendaftaran baharu tetapi hanya 183 permohonan yang mendapat kelulusan Lembaga. Terdapat beberapa permohonan yang telah diluluskan pada tahun lepas, tetapi bayaran fi pendaftaran hanya dibuat pada tahun ini, menjadikan jumlah kesemua yang membuat pembayaran untuk perakuan pendaftaran pada tahun 2020 sebanyak 226. Jadual 5 menunjukkan jumlah bilangan sijil perakuan daftar baharu yang dikeluarkan mengikut kategori ahli geologi berdaftar yang dikeluarkan pada tahun 2020.

**Jadual 5: Jumlah Perakuan Daftar Baharu Diluluskan Tahun 2020**

Kategori	Bilangan permohonan baharu yang lulus tahun 2020	Permohonan lulus tahun 2020 dan Perakuan Daftar Baharu dikeluarkan pada tahun yang sama	Permohonan lulus tahun 2019 tapi Perakuan Daftar Baharu dikeluarkan pada tahun 2020	Jumlah Bilangan Perakuan Daftar Baharu Tahun 2020
Ahli Geologi Siswazah Berdaftar	138	131	34	165
Ahli Geologi Profesional Berdaftar	20	39	10	49
Pengamal Berdaftar	-			-
Ahli Geologi Asing Berdaftar	25	8	4	12
<b>Jumlah</b>	<b>183</b>	<b>178</b>	<b>48</b>	<b>226</b>

Jumlah bayaran fi perakuan pendaftaran yang diterima bagi permohonan yang telah diluluskan oleh Lembaga untuk perakuan berdaftar dalam tahun 2020 adalah sebanyak RM34,950 menurun berbanding RM44,950 pada tahun 2019. Pecahan bayaran fi perakuan daftar baharu mengikut kategori pada tahun 2020 adalah seperti dalam Jadual 6:

**Jadual 6: Bayaran Fi Perakuan Daftar Baharu Bagi Tahun 2020**

Kategori Pendaftaran	Bayaran Fi Pendaftaran
Ahli Geologi Siswazah Berdaftar	RM8,250
Ahli Geologi Profesional Berdaftar	RM14,700
Pengamal Berdaftar	-
Ahli Geologi Asing Berdaftar	RM12,000
<b>Jumlah Bayaran Fi Perakuan Daftar Baharu 2020</b>	<b>RM34,950</b>

Mengikut Seksyen 30(2) Akta Lembaga Ahli Geologi 2008, tiap-tiap perakuan pendaftaran hendaklah tamat tempohnya pada 31 Disember tahun perakuan pendaftaran itu dikeluarkan dan hendaklah selepas itu dibaharui secara tahunan setelah dibayar fi yang ditetapkan. Tahun 2020 merupakan tahun ketiga pembaharuan semula pendaftaran bagi mereka yang membuat pendaftaran bermula pada tahun 2017. Bilangan perakuan yang dibaharui pada tahun 2018 berjumlah 1,685, pada tahun 2019 menurun kepada 1,625, dan pada tahun 2020, bilangan perakuan yang dibaharui masih terus memperlihatkan trend menurun dengan jumlah 1,580 perakuan seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7: Bilangan Perakuan Daftar Yang Dibaharui (renewal) Mengikut Kategori Ahli Geologi Berdaftar Pada Tahun 2020**

Kategori	Bilangan Perakuan Daftar Dibaharui Pada Tahun 2020
Ahli Geologi Siswazah Berdaftar	339
Ahli Geologi Profesional Berdaftar	1,101
Pengamal Berdaftar	5
Ahli Geologi Asing Berdaftar	135
<b>Jumlah Perakuan Daftar dibaharui (registration renewal) 2020</b>	<b>1,580</b>

Jumlah pendapatan bayaran fi perakuan pendaftaran yang dibaharui bagi tahun 2020, iaitu sebanyak RM373,150 (Jadual 8) menunjukkan penurunan sebanyak 8.3% berbanding tahun sebelumnya.

**Jadual 8: Bayaran Fi Perakuan Pendaftaran Yang Dibaharui Bagi Tahun 2020**

Kategori Pendaftaran Yang Dibaharui	Bayaran Fi Pendaftaran
Ahli Geologi Siswazah Berdaftar	RM16,950
Ahli Geologi Profesional Berdaftar	RM220,200
Pengamal Berdaftar	RM1,000
Ahli Geologi Asing Berdaftar	RM135,000
<b>Jumlah Bayaran Fi Perakuan Pendaftaran Dibaharui</b>	<b>RM373,150</b>



Di sebabkan keadaan ekonomi sekarang, Lembaga bersetuju Ahli Geologi Berdaftar yang tidak membaharui pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan, tidak dikenakan bayaran fi kemasukan semula. Jumlah pendapatan daripada keseluruhan fi yang diterima meliputi bayaran fi proses permohonan, fi perakuan pendaftaran baharu, dan fi perakuan dibaharui, pada tahun 2020 adalah sebanyak RM418,200 (Jadual 9). Ini adalah penurunan yang agak ketara berbanding pada tahun 2019 dimana jumlah pendapatan daripada fi adalah sebanyak RM466,600.

**Jadual 9: Jumlah Pendapatan Daripada Keseluruhan Bayaran Fi, Tahun 2020**

Jenis Fi Pendaftaran	Jumlah Bayaran Fi
Fi Proses Permohonan	RM10,100
Fi Perakuan Pendaftaran Baharu	RM34,950
Fi Perakuan Diperbaharui (Renewal)	RM373,150
<b>Jumlah Pendapatan Keseluruhan Bayaran Fi</b>	<b>RM418,200</b>

Jumlah pendapatan daripada fi yang diterima Lembaga untuk tahun 2020 ia itu sebanyak RM418,200 adalah berbeza dengan apa yang dinyatakan dalam penyata kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2020. Perbezaan tersebut adalah di sebabkan bayaran fi terutama fi pembaharuan (renewal) perakuan untuk tahun 2020 telah dibayar awal iaitu pada akhir tahun 2019. Penyata kewangan memberi penjelasan berkaitan kedudukan kewangan semasa, manakala paparan kenyataan di atas menunjukkan perkiraan jumlah pendapatan daripada bayaran fi untuk bilangan daftar pada tahun 2020 sahaja, tidak termasuk fi pembaharuan yang dibayar untuk tahun akan datang.


Pada keseluruhannya bilangan ahli geologi yang berdaftar pada tahun 2020 meliputi mereka yang baharu berdaftar (kelulusan 2019 dan 2020) dan yang diperbaharui pendaftarannya adalah berjumlah 1,806 orang. Jadual 10 menunjukkan kedudukan bilangan ahli geologi berdaftar pelbagai kategori bagi tahun 2020.

**Jadual 10: Jumlah Ahli Geologi Berdaftar Mengikut Kategori Tahun 2020**

Kategori	Jumlah Ahli Geologi Berdaftar	
	2019	2020
Ahli Geologi Siswazah Berdaftar	432	504
Ahli Geologi Profesional Berdaftar	1,214	1,150
Pengamal Berdaftar	10	5
Ahli Geologi Asing Berdaftar	180	147
<b>Jumlah</b>	<b>1,836</b>	<b>1,806</b>

Carta 2 menunjukkan perbandingan jumlah ahli geologi berdaftar yang perakuan pendaftaran masing-masing berakhir pada 31 Disember bagi tahun 2017, 2018, 2019 dan 2020. Jumlah Ahli Geologi Asing Berdaftar menunjukkan tren penurunan yang agak ketara ia itu seramai 312 orang pada tahun 2017 kepada 147 orang pada tahun 2020. Majoriti Ahli Geologi Asing Berdaftar bekerja dalam sektor carigali minyak dan gas. Bilangan Ahli Geologi Profesional juga di dapati menurun tetapi dalam jajaran yang agak kecil, biasanya mereka terlewat atau tidak perbaharui pendaftaran kerana tidak lagi berkhidmat sebagai ahli geologi. Namun demikian, bilangan Ahli Geologi Siswazah Berdaftar menunjukkan tren peningkatan setiap tahun.

**Carta 2: Perbandingan Bilangan Ahli Geologi Berdaftar Mengikut Kategori Bagi Tahun 2017, 2018, 2019 Dan Tahun 2020**



#### ii. Urusan Temuduga Pemohon-Pemohon Ahli Geologi Profesional Berdaftar

Pada tahun 2020, dua temuduga telah dirancang, tetapi hanya satu sahaja sesi temuduga yang sempat diadakan bagi menilai individu-individu yang memohon untuk perakuan ahli geologi profesional berdaftar (P.Geol.). Temuduga yang pertama ini telah diadakan pada 23 Julai 2020, dan seramai 12 orang telah hadir, hanya diadakan di premis Lembaga Ahli Geologi, Putrajaya. Rancangan temuduga kedua tidak dapat diadakan akibat kekangan masa dan masalah COVID-19. Sejumlah 20 permohonan baharu P.Geol. yang telah diperakui oleh Lembaga Ke 2 dengan syarat perlu melalui proses temuduga terpaksa ditangguhkan. Bagi menyelesaikan masalah 'backlog' ini, dan sekiranya pandemik COVID-19 masih berlarutan, di masa akan datang Lembaga bercadang mengadakan proses temuduga diadakan secara maya.

### iii. Urusan Pendaftaran Firma Perunding Geologi

Urusan pendaftaran ini dibuat bagi memenuhi keperluan Kementerian Kewangan (MOF) yang mensyaratkan bahawa semua firma perunding geologi yang ingin berdaftar dengan MOF hendaklah berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi (badan ikhtisas geologi) terlebih dahulu. Daripada 14 firma perunding yang memohon, Lembaga telah meluluskan 9 permohonan. 2 ditolak kerana tidak memenuhi syarat, manakala 3 permohonan masih dalam pertimbangan. Jumlah sijil daftar firma perunding geologi yang dikeluarkan mengikut kategori firma pada tahun 2020 adalah seperti dalam Jadual 11 berikut:

### iv. Penambahbaikan Databes BoGMIS

Beberapa kelemahan yang terdapat dalam sistem databes BoGMIS telah dikenalpasti. Tindakan telah diambil untuk mengatasi kelemahan yang terdapat pada sistem databes Lembaga iaitu 'Board of Geologists Malaysia Information System' atau BoGMIS. Penilaian terhadap urusan mengambil semula maklumat dan mengemaskini data pemohon telah dibuat supaya urusan pengeluaran resit bayaran, pengeluaran sijil perakuan, dan maklumat yang diperlukan dapat disediakan dengan lebih cekap dan berkesan. Adalah di harapkan sistem databes BoGMIS dapat dibangunkan semula bagi mengubah keadaan secara manual sekarang kepada sistem atas talian agar urusan menjadi lebih mudah, pantas, cekap dan berkesan.

**Jadual 11: Jumlah Sijil Daftar Firma Perunding Geologi Tahun 2020**

Kategori Firma Perunding Geologi	Bilangan Sijil Daftar Tahun 2020
Perseorangan	4
Perkongsian	1
Korporat	4
<b>Jumlah Sijil Daftar</b>	<b>9</b>

### v. Urusan Pelantikan Anggota Lembaga Ahli Geologi 2020-2023

Perkhidmatan Anggota Lembaga Ahli Geologi sesi kedua bagi tempoh 2017-2020 tamat pada 30 November 2020. Sehubungan itu urusan penggantian dan pelantikan anggota-anggota baru telah diuruskan sejak pertengahan tahun 2020. Pada tahun ini tiada majlis penyampaian watakah pelantikan anggota-anggota Lembaga Ahli Geologi Sesi ke-Tiga bagi tempoh 1 Disember 2020 hingga 30 November 2023 dapat diadakan.

### vi. Mesyuarat/Kursus/Bengkel/Temuduga dan Persidangan

Beberapa mesyuarat dan perbincangan telah diadakan diantara BoG dan agensi lain secara bersemuka dan secara maya.

# PENUTUP

---

Lembaga Ahli Geologi (BoG) sentiasa memastikan setiap aktiviti yang dirancang atau dianjurkan menjurus kepada prinsip asas penubuhannya bagi memenuhi keperluan Akta Ahli Geologi 2008. Adalah penting bagi semua ahli geologi yang menjalankan kerja-kerja dalam bidang geologi seperti terkandung dalam Jadual Kedua Akta dikehendaki berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi Malaysia. Ini adalah supaya pembangunan profesionalisma dan pengawalseliaan amalan geologi dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih baik, sistematik dan berkesan.

Pada tahun 2020 BoG telah memproses 202 permohonan baharu, 183 pendaftaran baharu yang diluluskan, dan 1,580 perakuan yang dibaharui. Pandemik COVID-19 yang melanda telah mengakibatkan urusan pendaftaran terganggu dan agak perlahan, Atas aspek keselamatan dan SOP yang ditetapkan kerajaan, seringkali premis pejabat terpaksa ditutup apabila berlaku kes jangkitan atau kontak rapat dalam bangunan. Keadaan ini menjejaskan pelaksanaan urusan perkhidmatan pendaftaran ahli geologi khususnya.

Jumlah ahli geologi berdaftar pada tahun 2020 adalah seramai 1,806 orang berbanding 1,836 orang pada tahun 2019. Pecahan bilangan ahli geologi berdaftar sehingga 31 Disember 2020 mengikut kategori terdiri daripada 1,150 ahli geologi profesional berdaftar, 504 ahli geologi siswazah berdaftar, 147 ahli geologi asing berdaftar, dan 5 orang pengamal berdaftar.

Pengurangan bilangan Ahli Geologi Berdaftar pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seramai 30 orang. Antara faktor utama yang menyebabkan bilangan daftar berkurang ialah sebilangan Ahli Geologi Asing telah kembali ke negara asal setelah kontrak kerja mereka tamat. Terdapat juga individu-individu yang tidak lagi berminat untuk meneruskan pendaftaran kerana telah bersara; bertugas di luar negara dalam waktu yang panjang; dan ada yang tidak lagi terlibat dengan kerja-kerja geologi.

Pada tahun 2020, pendapatan yang diterima daripada peruntukan kerajaan adalah sebanyak RM265,000 berbanding RM299,184 pada tahun sebelumnya. Selain pendapatan daripada Kerajaan, pendapatan tambahan adalah daripada yuran fi pendaftaran dan pendapatan lain yang berjumlah RM571,858. Ini menjadikan jumlah pendapatan BoG pada tahun 2020 adalah sebanyak RM836,858. Jumlah perbelanjaan sepanjang tahun 2020 berkurangan 14.1% berbanding tahun sebelumnya kepada RM472,299. Lebihan pendapatan BoG bagi tempoh tahun kewangan 2020 ialah sebanyak RM364,559, meningkat sebanyak 17.9% daripada tahun sebelumnya. Lebihan pendapatan terkumpul pada akhir tahun kewangan pada 31 Disember 2020, menunjukkan peningkatan 15.4% kepada RM2,731,965 berbanding RM2,367,406 pada tempoh kewangan tahun 2019. Keadaan kewangan yang lebih kukuh, akan membolehkan BoG menjalankan aktiviti-aktiviti yang diperlukan bagi merealisasikan fungsi-fungsi yang termaktub dalam Akta.



# PENYATA KEWANGAN

(BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2020)

---

## KANDUNGAN

- 38** ◆ Sijil Ketua Audit Negara
- 42** ◆ Penyata Pengerusi Dan Seorang Anggota Lembaga Ahli Geologi
- 43** ◆ Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab ke Atas Pengurusan Kewangan
- 44** ◆ Penyata Kedudukan Kewangan
- 45** ◆ Penyata Prestasi Kewangan
- 46** ◆ Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- 47** ◆ Penyata Aliran Tunai
- 48** ◆ Penyata Prestasi Bajet
- 49** ◆ Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA AHLI GEOLOGI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA AHLI GEOLOGI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Lembaga Ahli Geologi dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 18.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Ahli Geologi pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Ahli Geologi dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.



### **Penegasan Perkara (EOM)**

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan di Nota 5 kepada penyata kewangan, iaitu wujud perbezaan sejumlah RM28,485 (2019 : RM78,933) antara lejar Yuran Tertunggak berjumlah RM331,385 (2019 : RM192,667) dengan *database Board of Geologies Malaysia Information System (BoGMIS)* berjumlah RM302,900 (2019 : RM271,600).

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Lembaga di Lembaga Ahli Geologi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689). Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Ahli Geologi untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah



untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Ahli Geologi.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Ahli Geologi sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.




## Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3 kepada penyata kewangan, Lembaga Ahli Geologi telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020, dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Lembaga terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Ahli Geologi pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet Lembaga Ahli Geologi bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga berdasarkan keperluan Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(NOOR RITA BINTI KASSIM)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA



PUTRAJAYA  
16 JULAI 2021

**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA  
LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Kami **DATO' ZAKARIA BIN MOHAMAD** dan **ENCIK ZAMRI BIN RAMLI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga, Lembaga Ahli Geologi dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Ahli Geologi pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



DATO' ZAKARIA BIN MOHAMAD, *P.Geol.*, MIGM  
PENERUSI

TARIKH : **26 APR 2021**

PUTRAJAYA

Bagi pihak Lembaga,



ENCIK ZAMRI BIN RAMLI, *P.Geol.*, MIGM  
ANGGOTA LEMBAGA

TARIKH : **26 APR 2021**

PUTRAJAYA




**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Saya, **HAMADI BIN CHE HARUN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Ahli Geologi, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
 diakui oleh penama di atas )  
 di Putrajaya **PUTRAJAYA** )  
 pada **WILAYAH PERSEKUTUAN**

**26 April 2021**

  
 .....

**HAMADI BIN CHE HARUN, PSK, P.Geol., MIGM**

Nombor Kad Pengenalan : 540801-03-5375

Di hadapan saya,

  
 .....



**PESURUHJAYA SUMPAAH MALAYSIA**



**LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2020**

	Nota	2020 RM	2019 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	4	18,226	27,793
<b>ASET TIDAK KETARA</b>			
		8,550	17,100
<b>ASET SEMASA</b>			
Yuran tertunggak	5	331,385	192,667
Pelbagai penghutang deposit dan pendahuluan	6	600	600
Faedah simpanan tetap terakru		27,998	-
Tunai dan kesetaraan tunai	7	1,431,794	2,214,249
Pelaburan Jangka Pendek	8	1,000,000	-
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>2,818,553</b>	<b>2,452,409</b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI DIBIYAI OLEH</b>			
Lebihan terkumpul		2,731,965	2,367,406
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pendahuluan yuran		60,950	67,552
Pelbagai pemiutang dan akruan	9	23,349	16,179
Manfaat kakitangan		2,289	1,272
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>86,588</b>	<b>85,003</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>2,818,553</b>	<b>2,452,409</b>

Nota-nota di muka surat 6 hingga 18 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	Nota	2020 RM	2019 RM
Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran	10	265,000	299,184
Hasil daripada urus niaga pertukaran	11	538,415	559,500
Pendapatan lain		33,443	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>836,858</b>	<b>858,684</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Alat tulis dan pencetakan	12	31,754	42,907
Emolumen pegawai dan perkhidmatan	13	327,456	309,407
Emolumen kakitangan pengurusan utama	14	37,850	46,450
Hapuskira yuran tertunggak		-	-
Latihan dan kursus		-	3,546
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil	15	2,114	11,713
Perhubungan dan utiliti	16	6,435	4,436
Perkhidmatan ikhtisas	17	21,794	77,709
Promosi dan iklan	18	5,432	2,746
Susut nilai hartanah loji dan peralatan		21,016	21,312
Tuntutan perjalanan	19	18,448	29,312
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>472,299</b>	<b>549,538</b>
<b>LEBIHAN PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN</b>		<b>364,559</b>	<b>309,146</b>

Nota-nota di muka surat 6 hingga 18 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<b>Lebihan Terkumpul RM</b>
Baki pada 1 Januari 2019	2,058,260
Lebihan pendapatan bagi tahun 2019	309,146
Baki pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020	<hr/> 2,367,406
Lebihan pendapatan bagi tahun 2020	364,559
Pada 31 Disember 2020	<hr/> <b>2,731,965</b>

Nota-nota di muka surat 6 hingga 18 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.



**LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan pendapatan bagi tahun kewangan	364,559	337,707
Pelarasan untuk:		
Susut nilai	21,016	15,071
Manfaat kakitangan	1,017	0
Faedah simpanan tetap	(27,998)	
Lebihan pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja	<u>358,595</u>	<u>352,778</u>
Perubahan modal kerja:		
Penambahan yuran tertunggak	(138,718)	(89,873)
Pengurangan pendahuluan yuran	(6,602)	(44,348)
Penambahan pelbagai pemiutang dan akruan	7,170	2,664
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	<u>220,445</u>	<u>221,221</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Simpanan tetap di bank berlesen	(1,000,000)	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(2,899)	(29,588)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(1,002,899)</u>	<u>(29,588)</u>
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(782,454)	191,633
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan	2,214,249	2,022,616
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	<u>1,431,794</u>	<u>2,214,249</u>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Baki di tangan	398	324
Baki di bank	1,431,396	2,213,925
	-	-
	<u><b>1,431,794</b></u>	<u><b>2,214,249</b></u>

Nota-nota di muka surat 6 hingga 18 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.



**LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)

**PENYATA PRESTASI BAJET  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Bajet Mengurus	2020			2,019		
	Anggaran RM	Sebenar RM	%	Anggaran RM	Sebenar RM	%
<b>TERIMAAN</b>						
Peruntukan Kerajaan	280,000	265,000	95%	300,000	299,184	100%
Yuran Fi	550,000	538,415	98%	550,000	559,500	102%
Pendapatan Lain	5,000	33,443	>100%	-	-	
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>	<b>835,000</b>	<b>836,858</b>	<b>100%</b>	<b>850,000</b>	<b>858,684</b>	<b>&gt;100%</b>
<b>BAYARAN</b>						
Emolumen Pekerja	335,000	327,456	98%	310,000	309,407	100%
Emolumen kakitangan pengurusan	38,000	37,850	100%	47,000	46,450	99%
Tuntutan Perjalanan	20,000	18,448	92%	30,000	29,312	98%
Perhubungan & Utiliti	6,000	6,435	>100%	5,000	4,436	89%
Bekalan & Bahan-bahan Lain	30,000	31,754	>100%	45,000	42,907	95%
Penyelenggaraan & Pembaikan	2,000	2,114	>100%	12,000	11,713	98%
Perkhidmatan Iktisas dan Promosi	28,000	27,226	97%	90,000	84,001	93%
Susutnilai	21,000	21,016	100%	21,000	21,312	>100%
<b>JUMLAH BAYARAN</b>	<b>480,000</b>	<b>472,299</b>	<b>98%</b>	<b>560,000</b>	<b>549,538</b>	<b>98%</b>
<b>LEBIHAN BERSIH</b>	<b>355,000</b>	<b>364,559</b>	<b>&gt;100%</b>	<b>290,000</b>	<b>309,146</b>	<b>&gt;100%</b>

Nota-nota di muka surat 6 hingga 18 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

## **LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

Ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

#### **1. MAKLUMAT AM**

Lembaga Ahli Geologi (BoG) ditubuhkan pada 9 Disember 2014 sebagai sebuah pertubuhan perbadanan di bawah Seksyen 3 Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689). Lembaga mempunyai kuasa untuk melaksanakan tugas, fungsi dan menjalankan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 689, iaitu menentukan skala bayaran yang akan dikenakan oleh ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar, pengamal berdaftar dan lepasan siswazah yang mempunyai kelayakan di dalam bidang geologi untuk perkhidmatan geologi yang diberikan, menentukan dan mengawal kelakuan profesional dan etika profesional geologi dan kuasa dan fungsinya yang lain seperti yang dinyatakan dalam Akta tersebut.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang juga merupakan mata wang fungsian Lembaga.

#### **2. ASAS PERAKAUNAN**

Penyata kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata kewangan BoG telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan yang pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Pada tahun 2019 dan sebelumnya, penyata kewangan BoG telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang diluluskan di Malaysia.

Penyata kewangan BoG ini telah disediakan berdasarkan peruntukan tempoh peralihan mengikut MPSAS 33 : Pemakaian Kali Panama MPSAS Berasaskan Akruan dan Garis Panduan JANM (spesifik SPANM 11/2017) yang dikeluarkan JANM. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan atau mengukur aset dan atau liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Penyata kewangan Bog telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan.



### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

#### a. Asas Perakaunan

##### Perubahan dalam dasar perakaunan

BoG telah memilih untuk menerima pakai awal semua piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2019 seperti berikut :

##### MPSAS

MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 9	Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
MPSAS 17	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 23	Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran
MPSAS 25	Manfaat Pekerja
MPSAS 28	Instrumen Kewangan : Pembentangan
MPSAS 29	Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan : Pendedahan
MPSAS 31	Aset Tak Ketara
MPSAS 33	Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan

Peralihan kepada Rangka Kerja MPSAS berasaskan akruan tersebut tidak mempunyai kesan kewangan ketara kepada penyata kewangan BoG.

Penggunaan MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Interpretasi IC yang dikeluarkan tidak mempunyai kesan material ke atas penyata kewangan Lembaga dalam tempoh permohonan awal.

##### Penggunaan anggaran dan penghakiman

Penyediaan penyata kewangan mengkehendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dalam jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas dikaji secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa hadapan terjejas.

Tidak terdapat bidang ketidakpastian anggaran yang penting dan pertimbangan kritikal dalam melaksanakan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Samb.)

#### b. Hartanah, loji dan peralatan serta susut nilai

Semua hartanah, loji dan peralatan pada mulanya diukur pada kos. Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung dikaitkan dengan pemerolehan aset tersebut.

Hartanah, loji dan peralatan yang bernilai RM2,000 dan ke atas bagi setiap unit dipermudahkan.

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam nilai dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang sesuai, hanya apabila kos ditanggung dan kemungkinan manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan aset akan mengalir ke Lembaga dan kos aset boleh diukur secara pasti. Jumlah bawaan bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Kos penyelenggaraan harian barangan item, loji dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dalam tempoh kos ditanggung. Kos juga terdiri daripada anggaran permulaan pendedahan dan pengalihan aset dan memulihkan tapak yang terletak di mana Lembaga diwajibkan menanggung apabila aset itu diperolehi, jika berkenaan.

Bagi komponen utama dari item hartanah, loji dan peralatan yang mempunyai corak manfaat ekonomi yang ketara, kos permulaan aset tersebut akan diperuntukkan kepada komponen utamanya dan setiap komponen sedemikian disusut nilai secara berasingan ke atas hayat bergunanya.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah, loji dan peralatan kecuali tanah pegangan bebas dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira untuk menghapuskan kos aset kepada nilai baki mereka pada asas garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kadar susut nilai utama adalah seperti berikut:

	Kadar susut nilai
Komputer dan perisian	20%
Perabot dan peralatan pejabat	20%

Nilai baki, hayat berguna dan kaedah susut nilai anggaran terdahulu akan dikaji semula jika terdapat petunjuk kemerosotan nilai untuk memastikan jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai konsisten dengan anggaran terdahulu dan corak penggunaan yang dijangkakan manfaat ekonomi masa depan yang terkandung dalam hartanah, loji dan peralatan. Jika jangkaan semasa berbeza daripada anggaran terdahulu, perubahan tersebut diambilkira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan.

Jumlah amaun dibawa hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara kutipan pelupusan bersih, jika ada, dan jumlah dibawa dimasukkan dalam penyata pendapatan komprehensif.



### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (*Samb.*)

#### c. Aset tidak ketara

Aset tidak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Lembaga dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Pada setiap tahun pelaporan, tempoh dan kaedah pelupusan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tidak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaan akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

#### i) Perisian komputer

Perisian komputer dan lesen perisian komputer yang dimiliki dipermodalkan berdasarkan kos yang bertanggung untuk memperolehi dan menggunakan perisian tertentu. Kos tersebut dilunaskan sepanjang anggaran hayat penggunaannya selama tiga tahun.

Kos yang berkaitan dengan pembangunan atau penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut bertanggung. Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dapat dikenal pasti serta unik yang dikawal oleh Lembaga serta berkemungkinan boleh menjana faedah ekonomi yang melebihi kos bagi tempoh lebih dari satu tahun, diambil kira sebagai aset tidak ketara. Kos tersebut termasuklah kos pekerja yang bertanggung hasil daripada pembangunan perisian atau suatu bahagian yang sesuai bagi belanja operasi yang berkaitan.

Kos pembangunan perisian komputer yang diambil kira sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh anggapan hayat penggunaan, tidak melebihi 3 tahun.

Selepas akhir tahun, perisian komputer dan lesen perisian komputer akan dilunaskan berdasar tempoh anggaran hayat penggunaan selama tiga hingga sepuluh tahun.

#### d. Rosot nilai aset bukan kewangan

Amaun boleh diperolehi semula aset dianggarkan untuk aset individu. Sekiranya tidak mustahil untuk menganggarkan jumlah aset boleh diperolehi semula, ujian pengurangan dilakukan ke atas unit penajaan tunai (CGU) yang asetnya dimiliki.



### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (*Samb.*)

#### d. Rosot nilai aset bukan kewangan (*Samb.*)

Amaun boleh pulih aset atau CGU adalah lebih tinggi daripada nilai saksama yang ditolak kos untuk dijual dan nilainya digunakan.

Dalam menganggarkan nilai penggunaan, anggaran aliran masuk dan aliran keluar masa depan yang diperoleh daripada penggunaan berterusan aset dan daripada pelupusan akhirnya didiskaunkan kepada nilai sekarang dengan menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset yang mana anggaran tunai masa depan tidak diselaraskan.

Kerugian rosot nilai aset diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila nilai dibawa aset atau CGU melebihi amaun yang boleh diperoleh semula aset atau CGU.

Kerugian pengurangan diiktiraf dalam lebihan atau defisit dengan segera.

Kerugian pengurangan nilai ke atas aset dikaji semula untuk kemungkinan pembalikan kerosotan pada setiap tarikh pelaporan.

Kerugian rosot nilai aset dibalikkan hanya setakat amaun dibawa aset tidak melebihi jumlah bawaan yang akan ditentukan, selepas susut nilai kepada pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai telah diiktiraf.

Pembalikan sedemikian diiktiraf sebagai pendapatan dengan segera dalam lebihan atau defisit.

#### e. Penghutang dan pelbagai penghutang

Penghutang dan pelbagai penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan pada tempoh ianya dikenalpasti. Peruntukan hutang ragu diperuntukkan ke atas baki akhir penghutang akaun belum terima yang dianggarkan tidak boleh didapatkan selepas tempoh yang sepatutnya. Tiada peruntukan hutang ragu bagi tahun semasa dan tiada hutang lapuk dihapuskan.

#### f. Pelbagai pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama bayaran yang perlu dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

#### g. Penyata aliran tunai

Lembaga mengamalkan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunai. Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi wang tunai dalam tangan dan di bank serta simpanan tetap di bank berlesen.



### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (*Samb.*)

#### h. Peruntukan

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Lembaga mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lalu dan berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber-sumber yang membentuk faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa.

#### i. Manfaat kakitangan

##### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Lembaga. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambilkira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran, seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

##### (ii) Manfaat jangka panjang

Peruntukan Gantian Cuti Rehat adalah berdasarkan jumlah cuti rehat yang disimpan dalam tempoh kewangan semasa oleh kakitangan Lembaga Ahli Geologi. Pemberian ganjaran wang tunai gantian cuti rehat adalah berdasarkan 1/30 daripada jumlah gaji dan imbuhan tetap bulanan terakhir yang diterima dan bilangan cuti rehat yang dibenarkan.

##### (iii) Pelan caruman wajib

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia dikehendaki membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

#### j. Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau akruan, selepas diskaun dan rebat.

Pendapatan diiktiraf setakat mana kemungkinan manfaat ekonomi yang berkaitan dengan transaksi akan mengalir kepada Lembaga, dan jumlah hasil dan kos yang ditanggung atau yang akan dilakukan berkenaan dengan transaksi boleh diukur dengan tepat dan kriteria pengiktirafan khusus telah dipenuhi untuk setiap aktiviti Lembaga.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Samb.)

#### j. Pengiktirafan pendapatan (Samb)

(i) Geran kerajaan

Geran kerajaan bagi belanja mengurus diakaunkan berdasarkan tunai melainkan terdapat keperluan untuk pengubahsuaian dan dinyatakan dalam penyata prestasi kewangan.

(ii) Yuran pemprosesan

Yuran keahlian yang diterima diiktiraf sebagai pendapatan Lembaga berdasarkan penerimaan.

(iii) Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran yang diterima diiktiraf sebagai pendapatan Lembaga berdasarkan penerimaan.

(iv) Yuran pembaharuan

Yuran pembaharuan diiktiraf sebagai pendapatan Lembaga setelah bil semasa dikeluarkan kepada setiap ahli yang berdaftar.

#### k. Instrumen kewangan

(i) Aset kewangan

Aset kewangan Lembaga Ahli Geologi terdiri daripada wang tunai dan baki wang di bank, simpanan tetap di bank berlesen dan pelbagai penghutang.

(ii) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan yang nyata adalah pelbagai pemiutang.

(iii) Nilai Saksama

Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan menghampiri nilai saksama memandangkan ciri-ciri jangka pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.



**4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

	Komputer dan perisian RM	Perabot dan peralatan pejabat RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>			
Pada 1 Januari 2020	33,108	35,326	68,434
Tambahan	2,899		2,899
Pada 31 Disember 2020	<u>36,007</u>	<u>35,326</u>	<u>71,333</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>			
Pada 1 Januari 2020	23,989	16,652	40,641
Susut nilai tahun kewangan	5,857	6,609	12,466
Pada 31 Disember 2020	<u>29,846</u>	<u>23,261</u>	<u>53,107</u>
<b>Nilai bawaan</b>			
Pada 31 Disember 2020	<u>6,161</u>	<u>12,065</u>	<u>18,226</u>
Pada 31 Disember 2019	<u>9,119</u>	<u>18,674</u>	<u>27,793</u>

**5. YURAN TERTUNGGAK**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran tertunggak	331,385	192,667
Pelarasan : Terimaan tidak dapat dikenalpasti	-	-
	<u>331,385</u>	<u>192,667</u>

**6. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Deposit	600	600
	<u>600</u>	<u>600</u>

**7. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Tunai	398	324
Baki di bank	1,431,396	2,213,925
Tunai dan kesetaraan tunai	<u>1,431,794</u>	<u>2,214,249</u>

**8. PELABURAN JANGKA PENDEK**

Kadar faedah bagi deposit simpanan tetap dengan bank berlesen ialah di antara 1.8% - 3.9% setahun. Tempoh matang deposit tetap di antara 6 (enam) hingga 12 (dua belas) bulan. Deposit simpanan tetap dengan bank berlesen seperti berikut:

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
CIMB Bank Berhad	1,000,000	-

**9. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pelbagai pemiutang	7,155	1,091
Akruan	16,194	10,088
	<u>23,349</u>	<u>11,179</u>

**10. HASIL DARIPADA URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN**
**Peruntukan kerajaan**

Peruntukan kerajaan yang berupa geran diterima oleh Lembaga sebagai geran mengurus yang berkaitan dengan pendapatan. Ia terbit bila mana kerajaan memberi anugerah bantuan geran bagi membolehkan Lembaga memperoleh, memiliki atau membina sesuatu pada jangka masa panjang. Geran ini diakaunkan terus ke Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ianya diberi.





**11. HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN**

<b>Yuran fi</b>	<b>2020 RM</b>	<b>2019 RM</b>
Yuran Pemprosesan	9,750	50
Yuran Pendaftaran	13,550	44,950
Yuran Pembaharuan	515,115	514,500
	<u>538,415</u>	<u>559,500</u>

**12. ALAT TULIS DAN PERCETAKAN**

	<b>2020 RM</b>	<b>2019 RM</b>
Alat tulis dan percetakan	31,754	42,907
	<u>31,754</u>	<u>42,907</u>

**13. EMOLUMEN PEGAWAI DAN PEKHIDMATAN**

	<b>2020 RM</b>	<b>2019 RM</b>
Gaji dan elaun	271,544	255,740
Caruman KWSP	45,630	42,240
Caruman PERKESO	4,352	4,104
Bayaran khas	4,500	4,275
Kerja lebih masa	1,430	3,048
	<u>327,456</u>	<u>309,407</u>

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan adalah seramai 5 orang (2019:5 orang)

**14. EMOLUMEN KAKITANGAN PENGURUSAN UTAMA**

Kakitangan pengurusan utama adalah orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Lembaga secara langsung dan tidak langsung. Tiada kakitangan pengurusan utama lain kecuali ahli Lembaga. Semasa tahun kewangan semasa, pampasan yang dibayar kepada kakitangan pengurusan utama adalah:

	<b>2020 RM</b>	<b>2019 RM</b>
Emolumen dan sumbangan lain ahli lembaga	<u>37,850</u>	<u>46,450</u>

**15. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Penyelenggaraan pejabat	1,715	1,763
Penyelenggaraan peralatan pejabat	399	9,950
	<u>2,114</u>	<u>11,713</u>

**16. PERHUBUNGAN DAN UTILITI**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Telefon	<u>6,435</u>	<u>4,436</u>

**17. PERKHIDMATAN IKHTISAS**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Belanja perubatan	1,515	1,610
Ganjaran audit	7,053	5,123
Caj bank	68	128
Yuran perakaunan	5,000	3,500
Perbelanjaan SST	1,006	2,811
Perbelanjaan mesyuarat ahli lembaga	3,674	24,210
Perbelanjaan elaun temuduga	239	2,650
Perbelanjaan penalti	39	66
Langganan derma	-	36,510
Perbelanjaan lain-lain	3,200	439
Servis Caj perkeso	-	62
Belanja sistem perakaunan	-	600
	<u>21,794</u>	<u>77,709</u>

**18. PROMOSI DAN IKLAN**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Belanja multimedia	5,432	2,746

**19. TUNTUTAN PERJALANAN**

	<b>2020</b>	<b>2019</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pos dan penghantaran	9,823	9,322
Belanja perjalanan	8,625	19,990
	<u>18,448</u>	<u>29,312</u>

**20. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 yang telah diaudit, telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Lembaga ke 28 (Bil 2/2021) pada 12 April 2021.













LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

Lembaga Ahli Geologi Malaysia  
*Board of Geologists Malaysia*  
Aras 8, Menara PjH,  
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia.  
Tel : 603-8861 8436  
Fax : 603-8861 8437  
[www.bog.gov.my](http://www.bog.gov.my)